



LAJAR mengambil peluang untuk berehat di sebatang sungai yang terdapat di dalam Gua Tempurung, Gopeng baru-baru ini.



SEKUMPULAN pelajar yang menyertai eksplorasi ke Gua Tempurung bergambar kenangan sebelum meneruskan perjalanan ke Gua Tempurung.


Jelajah Gua Tempurung

Oleh YATIMIN ABDULLAH
berita@kosmo.com.my

PROSES pembelajaran dan pengajaran yang dilengkapi dengan pelbagai elemen menyeronokkan serta tidak terikat dengan sesi pengajian di dalam dewan kuliah semata-mata pasti memberikan impak yang lebih berkesan kepada pelajar untuk lebih memahami apa yang dipelajari.

Proses tersebut merupakan salah satu medium yang boleh digunakan bagi melibatkan





MEUNIKAN batu kapur yang terdapat di dalam Gua Tempurung memukau sesiapa sahaja yang melihatnya.

diu yang boleh digunakan bagi melahirkan pelajar berkualiti dengan memberikan pendedahan tentang dunia luar, agar minda mereka lebih terbuka, selain menimba pelbagai ilmu dan pengalaman.

Itulah yang dilalui oleh 34 pelajar Kolej Poly-Tech Mara (KPTM), Kota Bharu, Kelantan bersama dua pensyarah pengiring yang 'bermandi peluh' menyertai aktiviti eksplorasi Gua Tempurung, Gopeng, Perak baru-baru ini.

Aktiviti

Program selama dua hari satu malam itu bertujuan untuk memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan pelajar semestar dua Diploma Sains, selain merapatkan tali persaudaraan sesama mereka.

Pensyarah pengiring, Shahrul Nidzam Rozali berkata, sepanjang dua hari berkampung di situ, para peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang menguji kekuatan fizikal seperti kembara pada waktu malam, meredah hutan, menyeberangi paya dan meneroka kawasan gua tersebut.

"Melalui aktiviti ini, kita mahu memberikan pendedahan awal kepada mereka tentang semangat dan kerjasama dalam kumpulan. Sepanjang menyertai aktiviti ini, mereka diuji dengan pelbagai cabaran dan halangan untuk menguji tahap ketahanan fizikal dan mental masing-masing.

"Ini merupakan salah satu proses untuk mengenali pasti bakat dan kemahiran yang ada dalam diri peserta, seterusnya membuka peluang kepada pihak kami untuk menggilapnya ke peringkat lebih tinggi," katanya.



SISA bijih timah yang terdapat di dalam Gua Tempurung memberi peluang kepada pelajar mengutipnya untuk dibuat kenang-kenangan.

Tambahnya, program berkenaan turut menerapkan semangat cintakan alam sekitar yang semakin terhakis dalam kalangan anak muda sejak akhir-akhir ini.

Shahrul Nidzam memberitahu, para peserta turut didedahkan dengan khazanah alam yang terhadap di kawasan berkenaan selain melihat keagungan ciptaan Ilahi.

"Sepanjang berada di dalam gua berkenaan, pelajar dapat melihat sendiri khazanah alam yang indah seperti stalaktit dan stalagmit.

"Mereka turut dibawa mendaki 1,000 arak tangga ke 'Top of the world', melalui 'Golden Flow Stone' serta merangkak di dalam sungai yang



n perjalanan ke gua batu



PERJALANAN masuk ke Gua Tempurung memberikan satu pengalaman baharu kepada pelajar yang terlibat.



BERJALAN secara berkumpulan untuk menjelajah Gua Tempurung dapat menaikkan semangat setiap peserta terlibat untuk meneruskan perjalanan.

MO 24/4/12 MS 8/9.

urung uji fizikal, mental

LOKASI GUA TEMPURUNG, GOPENG, PERAK.



BAGI menghidupkan suasana malam, pelajar berkumpul sesama mereka dan membuat unggun api.

“Melalui aktiviti ini, kita mahu memberikan pendedahan awal kepada mereka tentang semangat dan kerjasama dalam kumpulan

terdapat di gua berkenaan,” ujarnya.

Salah seorang peserta, Khairiah Santa, 20, memberitahu, dia teruja dapat mengikuti program tersebut yang memberikan pelbagai pengalaman baharu bagi dirinya.

“Ini merupakan pengalaman pertama saya masuk hutan dan meneroka Gua Tempurung yang menjanjikan pelbagai aktiviti menarik. Sepanjang dua hari mengikuti program ini, pelbagai perkara saya pelajari.

“Secara tidak langsung, program ini mampu memberikan nilai tambah kepada saya untuk meningkatkan potensi diri, sebelum bergelar graduan,” ujarnya.

BAGI setiap pelajar yang menyertai eksplorasi ke Gua Tempurung, pengalaman tersebut merupakan peluang keemasan untuk meneroka khazanah alam ciptaan Ilahi.